

LATIHAN KATA BILANGAN

Pilih dan tekan jawapan yang sesuai.

1. _____ orang murid sekolah saya menyertai pertandingan kuiz di Bandar Seri Begawan.
A. Segala B. Semua C. Beberapa D. Setiap
2. _____ murid yang ingin menyertai kelab bola sepak boleh mendaftar di bilik sukan.
A. Semua B. Setengah C. Masing-masing D. Keseratus
3. "Jangan ganggu kawan kamu. Buat kerja _____," kata Cikgu Siti kepada muridnya.
A. segala B. sekalian C. pelbagai D. masing-masing
4. _____ rintangan terpaksa kami harungi untuk sampai ke lembah itu.
A. Pelbagai B. Para C. Seluruh D. Setengah
5. _____ daerah ini telah diisytiharkan sebagai kawasan sifar sampah.
A. Sekalian B. Kedua C. Masing-masing D. Seluruh
6. Lebih _____ daripada murid sekolah kami berbangsa Melayu.
A. setengah B. tengah-tengah C. sesetengah D. tengah

7. Munirah pergi ke sekolah pada pukul _____ pagi setiap hari.
- A. tujuh sepuluh minit B. tujuh jam sepuluh minit
C. jam tujuh minit sepuluh D. tujuh jam sepuluh
8. " _____ yang telah kamu lakukan itu hanya sia-sia sahaja," kata beliau.
- A. Masing-masing B. Sekalian C. Tiap-tiap
D. Segala-gala
9. _____ penonton membanjiri stadium itu pada malam kelmarin.
- A. Beribu-ribu B. Beribu C. Ribu-ribu D. Ribu
10. _____ orang murid itu didenda kerana ponteng kelas Bahasa Inggeris.
- A. Setengah B. Kelima C. Para D. Kelima-lima

KATA BILANGAN

Isi tempat kosong dengan kata bilangan yang sesuai.

setengah	semua	sepuluh	setiap
sebahagian	kedua	beribu-ribu	beberapa

1. Pertandingan bola sepak itu disertai oleh _____ buah sekolah di Daerah Brunei-Muara.
2. " _____ pelajar hendaklah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan ," kata guru besar.
3. Kakak saya menyimpan _____ daripada wang tabungannya ke dalam bank.
4. Salim mendapat tempat _____ dalam acara sukan.
5. _____ ekor kambing sedang meragut rumput di padang itu.
6. Mak Limah memasukkan _____ kilo gula ke dalam adunan itu.
7. _____ orang penonton membanjiri Stadium Bolklah untuk menyaksikan perlawanan bola sepak.
8. _____ benda yang tidak digunakan telah dibuang ke dalam tong sampah.

